

17/06/2003

Industri minyak, gas diramal catat pertumbuhan sederhana

reports on "Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia (AAOGC) 2003" by INDUSTRI minyak dan gas Asia dijangka mencatat perkembangan menggalakkan dalam jangka sederhana berikutan pemulihan suasana politik yang tidak menentu dan semakin terkawal nya Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata negara membangun di Asia akan mula melihat permulaan proses pemulihan dan pertumbuhan semula tidak lama lagi.

"Namun begitu, paling tinggi, kita hanya boleh menjangka pertumbuhan yang sederhana saja," katanya pada Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia

(AAOGC) ke-8 di Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur, semalam.

Seminar tahunan itu, yang ke-8 dianjurkan Petronas, dan dihadiri wakil syarikat minyak dari seluruh dunia. Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diwakili timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Azizan berkata, permintaan tenaga di beberapa negara berpenduduk padat di rantau ini, boleh dijadikan alasan untuk meneruskan pelbagai projek pembesaran yang sudah dirancang.

Katanya, sebahagian besar daripada projek berkenaan membabitkan perancangan dan perbelanjaan yang besar.

"Ia memerlukan inovasi meluas dan perubahan besar pemikiran yang sekali gus perlu menjadi asas kepada usaha bersama serantau di kalangan peserta utama industri," katanya.

Beliau berkata, tempoh setahun, sejak persidangan gas yang sama tahun lalu, adalah tempoh yang begitu mencabar.

"Ketika banyak negara pengeluar bergembira dengan kenaikan harga minyak disebabkan krisis di Asia Barat, ketidaktentuan yang dicetuskan daripada pergolakan berterusan di rantau itu, membimbangkan industri.

"Persekitaran perniagaan global terperangkap dalam suasana negatif sepanjang tempoh itu dan hampir menjerumuskan dunia ke kancuh kemelesetan.

Mujurlah perang di Iraq sudah berakhir, namun beberapa ketidaktentuan masih kekal kerana ia terus dicetuskan oleh konflik baru dan lama," katanya.

Azizan berkata, persidangan tahun ini bertuah kerana menyediakan peluang kepada pengeluar minyak dan gas berbincang mengenai keadaan industri selepas perang di Iraq.

Sementara itu, Presiden Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican berkata perbadanan minyak dan gas nasional berkenaan tidak menolak kemungkinan melabur di Iraq.

"Kami (Petronas) tidak mempunyai sebarang aset di Iraq. Kami mungkin menimbangkannya," katanya menjawab soalan sama ada Petronas mempunyai rancangan untuk melabur di negara itu.